



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 8 Mac 2023 (Rabu) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Akta Antigangguan Seksual Bela Mangsa Keganasan Rumah Tangga</p> <p>https://premium.sinarharian.com.my/article/226702/fokus/semasa/akta-antigangguan-seksual-bela-mangsa-keganasan-rumah-tangga</p>	Sinar Harian	Positif
2	<p>Isu Makanan Basi Di PPS, JKM Tegur Pembekal [METROTV]</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/943191/isu-makanan-basi-di-pps-jkm-tegur-pembekal-metrotv</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1073594/jkm-beri-teguran-tegas-kepada-pembekal-sedia-makanan-basi-di-pps</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=-argatsWJmo</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral

	https://tvstv.my/2023/03/07/parlimen-pembekal-makanan-ke-pps-turut-terjejas-banjir/	TVSTV	
3	<p>150 Usahawan Sertai Akademi Usahawan Wanita</p> <p>https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2023/03/1073572/150-usahawan-sertai-akademi-usahawan-wanita</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/58803-sasar-10-000-peserta-program-keusahawanan-wanita-bangkit</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=iFpEf30eUdU</p> <p>https://www.sinardaily.my/article/191581/malaysia/national/academy-for-women-entrepreneurs-holds-first-ever-regional-summit-in-malaysia</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2170784</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Berita RTM</p> <p>Berita RTM</p> <p>Sinar Daily</p>	Neutral
4	<p>13 Taska, Lapan Pusat Jagaan Diambil Tindakan Oleh JKM</p> <p>https://www.melakahariini.my/13-taska-lapan-pusat-jagaan-diambil-tindakan-oleh-jkm/</p>	Melaka Hari Ini	Neutral
5	<p>Tiga Wanita Maut Kejadian Bot Penumpang Bertembung Di Lumut</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/tiga-wanita-maut-kejadian-bot-penumpang-bertembung-di-lumut/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/07/tiga-wanita-maut-dua-bot-bertembung-di-lumut/</p> <p>https://selangorkini.my/2023/03/tiga-wanita-maut-dua-bot-bertembung-di-perairan-lumut-pangkor/</p>	<p>Utusan</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Selangor Kini</p>	Neutral
6	<p>Kebakaran: Ibu Tunggal Warga Emas Dan Anak Lelaki Selamat</p>		Neutral

	https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/07/kebakaran-ibu-tunggal-warga-emas-dan-anak-lelaki-selamat https://tvstv.my/2023/03/07/ibu-tunggal-dan-anak-lelaki-hilang-tempat-berteduh-rumah-musnah-terbakar/ https://dayakdaily.com/kebakaran-di-oya-ibu-tunggal-bersama-anak-hilang-tempat-berteduh/	<p>Utusan Borneo</p> <p>TVSTV</p> <p>Dayak Daily</p>	
7	<p>Warga Emas Ditemukan Maut Tergantung Dalam Bilik</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/warga-emas-ditemukan-maut-tergantung-dalam-bilik/ https://www.kosmo.com.my/2023/03/07/warga-emas-ditemui-tergantung-terkunci-dalam-bilik/ https://utusantv.com/2023/03/07/gantung-3/</p>	<p>Utusan</p> <p>Kosmo</p> <p>Utusan TV</p>	Neutral
8	<p>Warga Emas Disangka Tidur Rupanya Meninggal Dunia</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/943298/warga-emas-disangka-tidur-rupanya-meninggal-dunia https://malaysiagazette.com/2023/03/07/warga-emas-disangka-tidur-rupanya-sudah-meninggal-dunia/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
9	<p>Anugerah Jadi Pembakar Semangat Untuk Terus Berjuang Buat Golongan OKU - Ras Adiba</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/anugerah-jadi-pembakar-semangat-untuk-terus-berjuang-buat-golongan-oku-ras-adiba-409707</p>	<p>Astro Awani</p>	Neutral
10	<p>Selangor Peningkat Kemudahan Awam Mesra OKU, Warga Emas</p> <p>https://selangorkini.my/2023/03/selangor-peningkat-kemudahan-awam-mesra-oku-warga-emas/</p>	<p>Selangor Kini</p>	Neutral
11	<p>Ikkan Busuk Jadi Sajian Mangsa Banjir?</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/ikan-busuk-jadi-sajian-mangsa-banjir/</p>	<p>Utusan</p>	Neutral

AKTA ANTIGANGGUAN SEKSUAL BELA MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA

<https://premium.sinarharian.com.my/article/226702/fokus/semasa/akta-antigangguan-seksual-bela-mangsa-keganasan-rumah-tangga>

Sumber : Sinar Harian



SHAH ALAM- Pelaksanaan Akta Antigangguan Seksual 2021 yang diluluskan di Parlimen turut membela nasib wanita termasuk mangsa keganasan rumah tangga.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, akta tersebut akan dilaksanakan dalam masa terdekat...

ISU MAKANAN BASI DI PPS, JKM TEGUR PEMBEKAL [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/943191/isu-makanan-basi-di-pps-jkm-tegur-pembekal-metrotv>

Sumber : Harian Metro

Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sudah memberikan teguran keras kepada pembekal-pembekal dilantik susulan aduan makanan berbungkus yang dihantar ke pusat pemindahan sementara (PPS) basi.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, mereka juga digesa bagi memperbaiki perkhidmatan dan meningkatkan kualiti menu makanan yang disediakan mengikut kadar berpadanan dengan harga dibayar.

"Setelah menerima aduan mengenai kualiti makanan di PPS ini, saya sudah arahkan JKM segera untuk melihat perkara tersebut.

"Kami sudah meneliti aduan ini dan mendapati kejadian mengenai kualiti makanan dan juga masa penghantaran makanan yang tidak menentu atau lewat sememangnya berlaku," katanya ketika menggulung usul tergepar mengenai bencana banjir di Dewan Rakyat, hari ini.

Sebelum ini, dua Ahli Parlimen dari Johor meminta kerajaan melihat kualiti makanan yang diberikan kepada mangsa banjir di negeri itu.

Datuk Seri Dr Wee Ka Siong (BN-Ayer Hitam) berkata, makanan yang sudah basi atau nasi yang tidak masak seharusnya tidak dihantar kepada mereka.

Nancy berkata, JKM turut memberikan amaran akan menamatkan perkhidmatan pembekal makanan yang tidak memperbaiki mutu atau kualiti perkhidmatan mereka.

Kata Nancy, JKM mengambil maklum tentang cabaran dan kesulitan yang dihadapi oleh pembekal antaranya kekangan bagi mendapatkan bahan mentah untuk dimasak kerana bekalan terhad, harga naik mendadak dan sebagainya.

Selain itu katanya, antara kesulitan lain dialami adalah seperti tenaga kerja tidak mencukupi kerana pekerja mereka turut terjejas dan tidak dapat untuk bekerja.

"Isu logistik semasa seperti terputus hubungan jalan darat ke PPS, yang menghadkan capaian mereka untuk menghantar bekalan makanan bermasakan ke PPS," katanya.

Nancy berkata, antara penambahbaikan di masa depan adalah JKM akan mengenal pasti pembekal yang mempunyai sumber dan kapasiti kukuh untuk menawarkan perkhidmatan.

"Mencadangkan semakan semula kadar harga yang berpatutan dengan mengambil kira kos bahan mentah untuk dimasak yang tinggi semasa berlakunya bencana.

"Akan mengenal pasti awal PPS yang berisiko terputus hubungan dan memohon pengurusan makanan seperti dapur bergerak yang dimiliki oleh agensi kerajaan seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan NGO seperti Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM).

"Seian itu, bekerjasama erat dengan kerajaan negeri bagi mencadangkan penyediaan makanan retort dalam kuantiti yang lebih besar daripada sedia ada," katanya.



150 USAHAWAN SERTAI AKADEMI USAHAWAN WANITA

<https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2023/03/1073572/150-usahawan-sertai-akademi-usahawan-wanita>

Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Lebih 150 usahawan wanita yang menyertai Akademi Usahawan Wanita (AWE) mendapat pelbagai manfaat termasuk mengembangkan perniagaan berperanan sebagai mentor dan lebih berkeyakinan.

Program yang ditaja kerajaan Amerika Syarikat (AS) di bawah Inisiatif Pembangunan dan Kemakmuran Wanita Global itu bermula sejak 2020 dengan pembabitan kumpulan pertama hanya seramai 30 orang.

Pelaksana Program AWE Malaysia, Nuraizah Syamsul, berkata AWE Regional Summit adalah sidang kemuncak kali pertama yang diadakan secara bersemuka selepas lebih dua tahun dunia terkurung akibat pandemik COVID-19.

"Sidang kemuncak ini berjaya menarik penyertaan 80 orang dari rantau Indo-Pasifik yang menyokong inisiatif global untuk memupuk usahawan wanita dengan asas yang kukuh dalam perniagaan dan kewangan.

"Ia menarik penyertaan wanita dari Papua New Guinea, Fiji, Thailand, Singapura, Taiwan, New Zealand, Polynesia (Perancis), Niue, Cook Islands, Vietnam, Brunei, Philippines dan usahawan tempatan dari Sabah, Sarawak, Terengganu, Kelantan, Penang, Kedah dan Johor," katanya hari ini.

Pembukaan sidang kemuncak itu disempurnakan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

Hadir sama, Timbalan Penolong Setiausaha bagi Dasar di Biro Dasar Pendidikan dan Hal Ehwal Kebudayaan, Jabatan Negara AS, Rafik Mansour dan Duta Besar AS ke Malaysia, Brian McFeeters.

Nuraizah berkata, persidangan itu bagi membolehkan usahawan wanita berkongsi pengalaman, pengetahuan dan membina rangkaian.

Sementara itu, Nancy yang ditemui berkata, kementeriannya sentiasa menggalakkan wanita menceburi bidang keusahawanan dan ketika ini 10,000 wanita dibantu memulakan perniagaan menerusi Program Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM.

"Kita memberikan mereka insentif supaya mereka dapat memulakan perniagaan, ramai mereka adalah pengusaha kecil yang bermula dari rumah dan dengan bantuan itu lproduk mereka mampu berkembang," katanya.

Ditanya mengenai pembabitan wanita dalam politik masih kurang 30 peratus, beliau berkata, ia memerlukan kemahuan politik yang kuat.

"Kalau mahu mencapai hingga 30 peratus, Perlembagaan perlu dipinda. Sekurang-kurangnya perlembagaan ada mengatakan demikian, baru matlamat 30 peratus itu dicapai.

"Sehingga sekarang, kita belum mencapai 15 peratus dan wanita perlu lebih ramai minat memasuki politik dan peranan daripada lelaki yang memimpin untuk membenarkan lebih ramai wanita," katanya.

Dalam pada itu, Rafik pada sidang media berkata, sejak kerajaan AS memperkenalkan AWE pada 2019, lebih 25,000 wanita di seluruh dunia mengambil bahagian.

"Hal ini sekali gus mempertingkatkan kehidupan wanita melalui pemerksaan pemasaran digital, akses kepada penjagaan kesihatan mental dan mengukuhkan ekonomi dan pendapatan.

"Sejak AWE ini bermula, kita menumpukan kepada tiga kekuatan iaitu mempertingkatkan akses kepada pendidikan, kesaksamaan gender dan merapatkan jurang untuk mencapai lebih kesaksamaan, hasilnya 150 wanita menyertai program ini di Malaysia," katanya.

13 TASKA, LAPAN PUSAT JAGAAN DIAMBIL TINDAKAN OLEH JKM

<https://www.melakahariini.my/13-taska-lapan-pusat-jagaan-diambil-tindakan-oleh-jkm/>

Sumber : Melaka Hari Ini



AYER KEROH 7 Mac – 13 taman asuhan kanak-kanak (Taska) dan lapan pusat jagaan sekitar negeri ini dikenakan tindakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi tempoh Januari 2022 hingga 5 Mac lalu.

Pengarah JKM negeri Burhanuddin Bachik berkata, tindakan diambil selepas pihaknya mengesan berlaku pelanggaran akta dan peraturan selain tidak berdaftar dengan pihaknya.

“Dua Taska dan dua pusat jagaan dikenakan Tindakan Penguatkuasaan Lak (seal). Setakat ini JKM mengenal pasti 31 Taska dan 33 pusat jagaan yang tidak berdaftar di seluruh Negeri Melaka, justeru tindakan berperingkat akan diambil terhadap pengusaha atau pemilik premis berkenaan.

“JKM Melaka kini dalam usaha untuk meningkatkan tindakan penguatkuasaan ke atas Taska dan pusat jagaan yang tidak berdaftar, selain itu kita turut menjalankan aktiviti pematuhan peruntukan akta serta peraturan keatas premis yang berdaftar,” katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, pelanggaran kepada akta dan peraturan ditetapkan akan memberi implikasi terhadap kesejahteraan dan keselamatan kumpulan atau pihak mendapatkan perkhidmatan pengasuhan di premis berkenaan.

Berikutan itu Burhanuddin menasihatkan ibu bapa atau penjaga menggunakan kebijaksanaan mereka dengan memilih pusat jagaan berdaftar bagi memastikan keselamatan kanak-kanak terjamin.

“Semakan boleh dibuat oleh ibu bapa atau penjaga menerusi laman sesawang <https://www.jkm.gov.my> bagi menyemak senarai Taska atau pusat jagaan berdaftar.

“Malah kita meminta pengusaha Taska atau pusat jagaan belum berdaftar tampil segera bagi membolehkan premis mereka didaftarkan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan,” katanya.

TIGA WANITA MAUT KEJADIAN BOT PENUMPANG BERTEMBUNG DI LUMUT

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/tiga-wanita-maut-kejadian-bot-penumpang-bersembung-di-lumut/>

Sumber : Utusan



LUMUT: Tiga wanita maut dipercayai lemas apabila dua bot membawa 21 orang berlanggar di perairan Lumut, tidak jauh dari Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut, malam tadi.

Ketua Polis Daerah Manjung, Asisten Komisioner Nor Omar Sappi, berkata dalam kejadian kira-kira pukul 9 malam itu, tiga mangsa yang maut berusia antara 26 hingga 43 tahun.

“Seorang mangsa juga wanita berumur 43 tahun kini menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Angkatan Tentera (HAT) TLDM Lumut, manakala 17 lagi mangsa dirawat sebagai pesakit luar di hospital sama,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut beliau, siasatan awal mendapati kejadian melibatkan sebuah bot yang membawa 17 penumpang dan seorang tekong dari arah Lumut menuju ke Pulau Pangkor manakala sebuah bot lagi dinaiki seorang tekong bersama dua penumpang dari Pulau Pangkor ke Lumut.

Jelasnya, akibat pelanggaran tersebut, seramai 10 penumpang dalam bot dari arah Lumut terjatuh ke dalam laut.

Beliau berkata, kedua-dua tekong bot tersebut bagaimanapun berjaya menyelamatkan kesemua mangsa yang kemudian dihantar ke HAT.

Katanya, polis menerima maklumat kejadian itu daripada orang awam pada pukul 9.17 malam, justeru sepasukan anggota dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Manjung bersama anggota Balai Bomba dan Penyelamat Seri Manjung, dibantu anggota TLDM pergi ke lokasi kejadian.

“Pihak HAT kemudian memaklumkan tiga mangsa telah meninggal dunia dan dihantar ke Hospital Seri Manjung (HSM) untuk dibedah siasat bagi mengenal pasti punca kematian.

“Setakat ini, kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut,” ujar beliau.

Beliau meminta orang ramai yang mempunyai maklumat kejadian itu agar menghubungi Bilik Gerakan IPD Manjung di talian 05-6886222 atau balai polis berdekatan bagi membantu siasatan.

– [UTUSAN](#)

Kebakaran: Ibu tunggal warga emas dan anak lelaki selamat

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/07/kebakaran-ibu-tunggal-warga-emas-dan-anak-lelaki-selamat>

Sumber : Utusan Borneo



MUKAH: Seorang ibu tunggal warga emas berumur 64 tahun dan anak lelakinya terselamat dalam kebakaran kediaman mereka di Kampung Bakong, Oya dekat sini sekitar jam 9.30 pagi tadi.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri (JBPM) Sarawak memberitahu satu panggilan diterima sekitar jam 9.58 pagi mengenai kejadian itu.

"Kebakaran melibatkan sebuah rumah struktur jenis tidak kekal hangus seratus peratus," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kedua-dua penghuni sempat menyelamatkan diri ketika kejadian dan tiada sebarang kecederaan dilaporkan.

Bomba membentangi satu aliran 200 kaki, dua nozel, satu pam angkut dan sumber air sungai berhampiran sehingga api dapat dikawal dan dipadam.

Operasi tamat sepenuhnya jam 10.55 pagi

WARGA EMAS DITEMUKAN MAUT TERGANTUNG DALAM BILIK

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/warga-emas-ditemukan-maut-tergantung-dalam-bilik/>

Sumber : Utusan

PETALING JAYA: Seorang lelaki warga emas ditemukan meninggal dunia dalam keadaan tergantung dengan tali di siling di rumahnya di Taman Alam Jaya, Bandar Tun Hussein Onn di sini, hari ini.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Morni Mamat berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada 1.25 petang tadi.

“Seramai enam anggota bersama satu jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bandar Tun Hussin Onn dikejarkan ke lokasi kejadian.

“Sebaik tiba, kami dimaklumkan terdapat seorang lelaki warga emas berusia 66 tahun dalam keadaan tergantung pada siling.

“Mayat mangsa terbabit ditemukan di dalam bilik di rumah berkenaan yang disewa oleh mangsa,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Morni berkata, anggota bertugas terpaksa membuka pintu rumah berkenaan yang berkunci.

“Anggota bomba kemudian menurunkan mayat mangsa yang disahkan meninggal dunia di lokasi oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

“Mayat mangsa seterusnya diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut,” katanya.- [UTUSAN](#)

WARGA EMAS DISANGKA TIDUR RUPANYA MENINGGAL DUNIA

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/943298/warga-emas-disangka-tidur-rupanya-meninggal-dunia>

Sumber : Harian Metro



Cheras: Warga emas disangkakan tertidur di hadapan rumah disahkan meninggal dunia di kediamannya di Jalan Intan, Taman Cheras Permata di sini, hari ini.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Morni Mamat berkata, mangsa yang berusia 64 tahun dipercayai tinggal seorang diri.

Menurutnya, jirannya yang beranggapan mangsa tertidur di hadapan rumah cuba memanggil warga emas itu namun tiada respon lalu membuat panggilan 999 pada jam 6.26 petang.

"Sebuah jentera bersama anggota dan pegawai dari Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Tun Husin Onn tiba di lokasi pada 6.41 petang mendapati pintu pagar rumah teres setingkat itu berkunci.

"Terdapat seorang lelaki tempatan berumur 64 tahun dalam keadaan terbaring tidak sedarkan diri di hadapan rumah," katanya dalam kenyataan hari ini.

Morni berkata, pasukan penyelamat bertindak membuka kunci pada pagar rumah terbabit menggunakan peralatan khas.

Katanya, mangsa disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan di lokasi kejadian.

"Pemerhatian awal mendapati tiada kesan luka pada mangsa dan mayatnya diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan seterusnya," katanya.

ANUGERAH JADI PEMBAKAR SEMANGAT UNTUK TERUS BERJUANG BUAT GOLONGAN OKU - RAS ADIBA

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/anugerah-jadi-pembakar-semangat-untuk-terus-berjuang-buat-golongan-oku-ras-adiba-409707>

Sumber : Astro Awani



KUALA LUMPUR: "Anugerah ini bukan hanya untuk saya sahaja, tetapi juga bagi komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) dan Malaysia!" kata Senator Datuk Ras Adiba Radzi.

Ketika diumumkan sebagai antara 11 penerima Anugerah Wanita Berani Antarabangsa (IWOC) bagi 2023 oleh Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia, Ras Adiba mengakui beliau menganggap ia pada mulanya hanya gurauan.

"Saya ingat mula-mula itu, mereka (Kedutaan) ini saja melawak dengan saya, sebab kita sering bekerjasama, jadi apabila saya betul-betul diberitahu melalui emel...apabila membaca setiap bait isi surat yang mereka emel, barulah saya terima, ini realiti dan bukan main-main. Anugerah ini terus terang saya katakan saya tak pernah terfikir akan dapat pencalonan sebab saya merasakan diri saya banyak lagi yang saya perlu lakukan dan banyak lagi perlu belajar untuk menjadi antara wanita-wanita disegani di Malaysia apatah lagi di dunia," katanya kepada Bernama.

Majlis anugerah berkenaan dijadual berlangsung di Rumah Putih, Washington DC, Amerika Syarikat esok.

Ras Adiba yang juga bekas Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), adalah seorang aktivis OKU dan mengetuai OKU Sentral, sebuah badan bukan kerajaan yang aktif memperjuangkan hak komuniti berkenaan dalam negara.

Mahu anugerah berkenaan dirai bersama, Ras Adiba berkata beliau tidak mungkin dapat diiktiraf untuk menerima anugerah sedemikian tanpa kerjasama ramai pihak terutama, pasukannya yang sekian lama bersamanya memperjuangkan hak-hak OKU.

"Anugerah ini adalah sebagai satu pemberi semangat kepada saya secara peribadi, untuk terus berjuang bemiati-matian untuk komuniti OKU, terutama untuk wanita dan gadis dan anak-anak OKU supaya hak kami akan terus didengar dan dipertegak.

Ia juga satu anugerah yang besar untuk ibu-bapa dan adik beradik saya, ia sebenarnya untuk komuniti OKU, saya meminjam semangat mereka untuk berada di sini, saya bersyukur kepada Illahi, anugerah ini adalah untuk semua rakyat Malaysia, ini untuk anda," katanya

Beliau juga berharap anugerah yang akan diterimanya ini akan menjadi pencetus semangat kepada semua gadis dan wanita bahawa tidak ada yang impian yang mustahil, sekiranya disertakan dengan fokus dan kerja keras.

Selain Ras Adiba, penerima lain anugerah berprestij itu termasuk Dr Zakira Hekmat dari Afghanistan, Alba Rueda dari Argentina dan Donis Rios dari Costa Rica.

SELANGOR PERTINGKAT KEMUDAHAN AWAM MESRA OKU, WARGA EMAS

<https://selangorkini.my/2023/03/selangor-pertingkat-kemudahan-awam-mesra-oku-warga-emas/>

Sumber : Selangor Kini



SUBANG JAYA, 7 MAC: Kerajaan Selangor mengambil langkah awal membangunkan kemudahan awam mesra orang kurang upaya (OKU) susulan jangkaan peningkatan 15 peratus golongan itu daripada jumlah penduduk negara.

EXCO Wanita dan Keluarga Dr Siti Mariah Mahmud berkata penyediaan infrastruktur yang mudah dan selamat turut mengambil kira faktor pertambahan golongan berusia di sesebuah kawasan berikutan jangka hayat lebih lama.

“WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) jangka 15 peratus daripada rakyat kita nanti adalah OKU. Kita sendiri akan jadi individu kurang upaya kerana 20 peratus daripada rakyat hidup lebih lama sehingga 80 tahun berbanding 60 tahun.

“Jadi kita akan ada masalah ketercapaian. Sekiranya tidak bersiap sedia dari sekarang, kita terpaksa buat banyak ubah suai (infrastruktur) yang akan menelan kos tinggi pada masa depan.

“Kita mahu kesedaran (membangunkan kemudahan awam mesra OKU dan golongan berusia) bermula dari sekarang. Arkitek dan jurutera harus bersedia,” katanya.

Beliau bercakap pada sidang media sempena Persidangan Kita Selangor: Iltizam Reka Bentuk Sejagat Ke Arah Negeri Inklusif di Hotel Sunway Resort di sini, hari ini.

OKU antara kumpulan sasar yang turut diberi tumpuan dalam pelan pembangunan lima tahun negeri, Rancangan Selangor Pertama (RS-1) dengan meningkatkan kesejahteraan golongan terbabit.

Sehingga kini, hampir 90,000 OKU berdaftar di Selangor.

IKAN BUSUK JADI SAJIAN MANGSA BANJIR?

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/ikan-busuk-jadi-sajian-mangsa-banjir/>

Sumber : Utusan



JASIN: Mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Rambai di sini mendakwa, makanan tengah hari yang dibekalkan kepada mereka tidak berkualiti.

Seorang mangsa dari Kampung Batu Gajah Pasir, Zariffudin Abdul Hamid, 45, berkata, isterinya mengalami cirit birit selepas makan nasi berlauk ikan kembung yang dibekalkan, kelmarin.

Menurutnya, ketika membuka pek makanan tersebut, dia mendapati keadaan ikan sudah berbau busuk hingga menyebabkannya membuang juadah berkenaan.

“Saya terpaksa beli makanan di luar untuk isteri dan dua anak saya. Hari ini pun sama nasi, kuah dan sayur boleh makan tetapi malangnya ikan yang diberikan memang tidak boleh dimakan.

“Kalau benda elok saya tidak merungut tetapi sudah dua hari makanan yang dibekalkan langsung tidak berkualiti.

“Saya duduk di PPS bukan minta makan yang sedap-sedap, tetapi biarlah berkualiti. Makan nasi dan sayur pun sudah memadai asalkan selamat untuk dimakan,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, semalam.



JALIL Atan menunjukkan keadaan ikan kembung yang hancur dan berbau busuk yang dibekalkan kepada mangsa banjir di PPS SK Sungai Rambai, Jasin, Melaka. – UTUSAN/AMRAN MULUP

Seramai 29 keluarga membabitkan 99 mangsa banjir kini ditempatkan di SK Sungai Rambai sejak Sabtu lalu.

Seorang lagi mangsa, Jalil Atan, 55, dari Parit Penghulu Benteng turut menzahirkan rasa kecewa dan terkilan berikutan isu kualiti makanan yang dibekalkan kepada mereka.

Justeru, dia meminta pihak terlibat terutama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memantau kualiti makanan yang dibekalkan kepada penghuni di semua PPS.

“Sejak semalam dan hari ini saya, isteri dan dua anak tiada selera menjamah makan yang dibekalkan kerana ikan sudah berbau. Kami hanya makan nasi dan sayur, saya langsung tidak boleh makan.

“Saya berharap masalah ini diatasi segera agar mangsa banjir di PPS tidak mengalami keracunan makanan,” katanya.

Setakat pukul 8 pagi tadi, jumlah mangsa banjir di Melaka adalah seramai 598 orang dan ditempatkan di lima PPS di sekitar Jasin. – UTUSAN